SELANGOR KINI
PERCUMA 2 - 8 Ogos 2018, 20 - 26 Zulkaedah 1439
www.selangorkini.my Media_Selangor
selangortv.my MediaSelangor
SMART SELANGOR

# KOLEKSI PKNS

PAMERAN JUALAN HARTANAH PKNS 2018

KOLEKSI HARTANAH PKNS 2018





Pelbagai hadiah dan tawaran menarik menanti anda!

3 - 12 OGOS 2018

10 PG - 10 MLM

KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM

NIKMATI INSENTIF SEHINGGA 20% SEMPENA ULANG TAHUN PKNS KE -54



KOLEKSI HARTANAH PKNS 2018

3 - 12 OGOS 2018

10 PG - 10 MLM

KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM

**Ianya kembali lagi!**

Kini lebih berbaloi dengan insentif lebih

**RM 100,000***

**Sempena ulangtahun PKNS ke - 54**

*Tertakluk kepada terma dan syarat serta projek terpilih sahaja

EDARAN DIGITAL SELANGOR KINI

# INSENTIF MyPKNS

Sehingga 31 Disember 2018

Cubalah, caranya sangat

## MUDAH & SENANG

untuk tambah **pendapatan.**

Anda berpeluang meraih duit poket sempena bulan kemerdekaan sehingga **RM30,000** jika berjaya memperkenalkan pembeli kepada PKNS*

Bagaimanapun ia tertakluk kepada projek hartanah terpilih serta terma dan syarat yang telah ditetapkan.

**APA TUNGGU LAGI! JANGAN LEPASKAN PELUANG MENARIK INI!**

| | | |
|---|---|---|
| INSENTIF **EMAS** | **RM 10,000** | setiap pembelian hartanah RM 1 juta ke atas |
| INSENTIF **PERAK** | **RM 6,000** | setiap pembelian hartanah dari RM 400,001 ribu - RM 1 juta |
| INSENTIF **GANGSA** | **RM 4,000** | setiap pembelian hartanah kurang dari RM 400 ribu |




**Sila dapatkan BORANG PENGESAHAN PEMBELI INSENTIF MY PKNS 2018 di kaunter-kaunter Bahagian**

| Jualan Hartanah Wilayah Tengah | Jualan Hartanah Wilayah Utara | Jualan Hartanah Wilayah Selatan |
|---|---|---|
| **013-939 0310** | **013-250 4380** | **018-205 1713** |
| **013-323 2158** | **012-659 5515** | **017-363 4821** |


**PKNS**
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
Blok B, Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat PKNS,
No.2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

www.pkns-property.com


*Tertakluk kepada terma & syarat









016 251 0113 • 011 1429 3079 • 013 939 0310 • 013 342 1098 • 013 393 8183 • 019 303 4342 • 013 323 2158 • 017 624 0678

**www.pkns-property.com**

SELANGOR KINI
www.selangorkini.my Media_Selangor
selangortv.my MediaSelangor
SMART SELANGOR
PERCUMA 2 - 8 Ogos 2018, 20 - 26 Zulkaedah 1439

KUNJUNGAN DUTA PERANCIS
MUKA 5

PERKASA INSTITUSI ISLAM
MUKA 6

BINA KOMPLEKS REKREASI WANITA
MUKA 7

KEDIAMAN BUKAN SEKADAR RUMAH
MUKA 15



# PELANCONG PILIH SELANGOR

SASAR 7.5 JUTA 2018

OLEH **SHEEDA FATHIL dan NADIAH ZAMLUS**

**SERDANG -** Kerajaan Negeri komited menambah mekanisme tambahan supaya sasaran 7.5 juta pelancong ke Selangor berjaya dicapai.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, antara mekanisme terbaharu yang sedang dibincangkan adalah penambahan tempat penginapan (hotel) terutama di lokaliti seperti Utara Selangor dan Kuala Selangor.

"Penambahan hotel itu memerlukan kajian kerana ia membabitkan pelaburan besar daripada pelabur tempatan dan Kerajaan Negeri.

"Bagaimanapun, saya dan beberapa pemain industri di Selangor memang sedang berbincang supaya inisiatif berkenaan dapat dicapai serta kehadiran pelancong berjaya ditingkatkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Ulangtahun Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) ke-54, di Pusat Konvensyen Shah Alam, di sini, pada 1 Ogos lalu.

Amirudin berkata, antara mekanisme lain bagi menarik pelancong ke negeri itu adalah dengan promosi.

"Kebanyakan pelancong yang masuk kebetulan sebahagian besarnya melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Jadi, kita akan mengambil kesempatan supaya ketibaan mereka disambut dan dibawa ke lokasi lokaliti, di Selangor.

"Di samping itu, kita akan menggiatkan promosi beberapa aset pelancongan Selangor seperti Sky Mirror dan Kelip-Kelip Kuala Selangor yang kian menjadi perhatian dunia, pada masa kini," katanya.



**Amirudin ketika menyempurnakan pelancaran Karnival Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) Selangor (MATTA Fair Selangor), baru-baru ini**

Terdahulu, Selangor menyasarkan kira-kira 7.5 juta pelancong domestik dan antarabangsa ke negeri itu, tahun ini.

EXCO Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu serta Warisan, Datuk Abdul Rashid Asari, berkata berlaku penambahan jumlah kemasukan pelancong sebanyak 12 peratus pada suku pertama tahun ini dan ia turut berlaku bagi tempoh sama, tahun lalu.

"Kerajaan Negeri akan menambah pelbagai inisiatif dan strategi baru untuk menggalakkan pelancongan domestik termasuk menganjurkan aktiviti menarik bagi membolehkan pelancong tinggal lebih lama, di Selangor.

"Salah satunya ialah mengadakan lebih banyak aktiviti perkongsian budaya dan tradisi antara masyarakat bersama pelancong," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Pelancaran Karnival Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) Selangor (MATTA Fair Selangor), di sini, baru-baru ini.




EDISI DIGITAL SELANGOR KINI

Tonton TVSelangor
selangortv.my



Tabung Harapan Malaysia

# Istana Negara lancar kutipan



**KUALA LUMPUR** - Istana Negara melancarkan kutipan Tabung Harapan Malaysia (THM) sebagai usaha membantu kerajaan mengurangkan hutang negara.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Wan Ahmad Dahlan Ab Aziz berkata, pelancaran THM peringkat Istana Negara itu juga adalah manifestasi solidariti dan kebersamaan 650 warga istana terhadap titah Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, untuk menyumbang 10 peratus gaji dan emolumen baginda setiap bulan bagi membantu mengurangkan hutang negara.

"Tiada sebarang sasaran ditetapkan bagi kutipan tabung ini kerana yang penting adalah semangat warga Istana Negara membantu negara yang tercinta ini.

"Kutipan tabung akan berlangsung selama dua minggu, bermula pada 27 Julai lalu," katanya.

Selain itu, katanya, inisiatif pelancaran tabung itu turut dilaksanakan atas semangat patriotisme warga Istana Negara sempena bulan kemerdekaan.

Terdahulu, Ahmad Dahlan mendahului 150 warga Istana Negara yang hadir pada majlis menyumbang kepada THM.

Pada 30 Mei lalu, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan penubuhan tabung bagi membolehkan rakyat Malaysia menyumbang ke arah mengurangkan hutang negara.

Pada 11 Jun lalu, Sultan Muhammad V memberi perkenan supaya peruntukan gaji dan emolumen baginda dikurangkan 10 peratus sepanjang tempoh pemerintahan, sehingga 2021.

Perkenan itu adalah kerana baginda amat prihatin tentang tahap hutang dan keadaan ekonomi negara serta mahu bersama rakyat menunaikan tanggungjawab terhadap negara.

# Galak pelabur bantu kembang bakat TVET



**PUNCAK ALAM** - Kerajaan Negeri menggalakkan pelabur asing untuk mengembangkan bakat masyarakat tempatan terutama berkelulusan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) selain membantu daripada segi pertukaran teknologi.

EXCO Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi, Rodziah Ismail berkata, beliau optimis syarikat asing dapat bersama membantu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan khususnya untuk menyediakan kerja dengan persekitaran kondusif kepada masyarakat tempatan.

"Kita mahu bakat masyarakat tempatan yang berkelulusan TVET dapat ditingkatkan dan kemasukan pekerja asing diminimumkan.

"Berikan latihan praktikal dan usahawan dalam masa tiga hingga empat tahun, sekali gus mereka akan menjadi ejen anda dalam mempromosikan produk," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pembukaan Persidangan Kerjasama Industri Basikal Malaysia-China bertempat, di Dewan Aktiviti Eco Grandeur, baru-baru ini.

Pada masa sama, Rodziah memuji inisiatif kerjasama antara Malaysia dan China dalam mengembangkan industri basikal, di negara ini.

"Dengan Malaysia Baru ini, kita akan terus menyediakan persekitaran perniagaan yang sihat dan sistem eko untuk syarikat Malaysia dan asing menjalankan perniagaan, di sini.

"Kita akan terus menggalakkan dan memudahkan syarikat asing untuk datang melabur di Malaysia terutama di Selangor selain bekerjasama dengan syarikat tempatan," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini, Selangor sudah mencatatkan kehadiran tertinggi bagi pelaburan langsung asing, di Malaysia.

"Tahun lalu, Selangor menarik RM5.59 bilion pelaburan langsung dalam sektor perkilangan, serta RM4 bilion dalam sektor perkhidmatan.

"Sektor perkhidmatan dan perkilangan menyumbangkan 59.5 peratus dan 29.5 peratus kepada keluaran dalam negeri kasar Selangor, pada 2017," katanya.

# Minggu depan bincang calon PRK Balakong

**SHAH ALAM** - DAP Selangor akan mengadakan mesyuarat dalam masa terdekat untuk membincangkan calon bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Balakong.

Naib Pengerusi DAP Selangor, Dato' Teng Chang Khim berkata, mesyuarat itu dijangka akan diadakan pada minggu ini dan selewat-lewatnya minggu hadapan.

"Bagaimanapun melalui maklumat yang saya perolehi, DAP juga masih belum membuat sebarang keputusan memandangkan hari penamaan baru diumumkan Suruhanjaya Pilihan Raya," katanya ketika ditemui SelangorKini.

Sebelum itu, SPR menetapkan 8 September sebagai hari pengundian dan 18 Ogos ini sebagai hari penamaan calon bagi PRK DUN Balakong.

PRK itu diadakan ekoran kematian penyandangnya, Ng Tien Chee pada 20 Julai lalu dalam satu kemalangan jalan raya, di kilometer 11.7 Lebuhraya Grand Saga.

Tien Chee maut selepas kenderaan pacuan empat roda jenis Nissan X-Trail yang dipan-dunya melanggar bahagian belakang sebuah lori pencuci jalan dan mendiang maut di tempat kejadian akibat kecederaan parah, di kepala.

Pada Pilihan Raya Umum lalu, Tien Chee berjaya mengekalkan kerusi DUN Balakong untuk penggal kedua selepas menewaskan calon Barisan Nasional dan PAS dengan majoriti 35,538 undi.

# Pembukaan DNS 3 September

**SHAH ALAM** - Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor (DNS) Yang Ke-14 Tahun 2018, bakal bermula 3 September ini.

Speaker DNS, Ng Suee Lim berkata, istiadat pembukaan itu akan dirasmikan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"Pada perasmian itu, baginda dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, berkenan berangkat merasmikan pembukaan persidangan," katanya.

Beliau berkata, selepas itu mesyuarat akan dimulakan dengan perbahasan menjunjung kasih ke atas titah ucapan baginda.



Suee Lim berkata, beliau berharap Ahli Dewan Negeri (ADN) mengambil bahagian dalam perbahasan, sepanjang persidangan berlangsung.

Katanya, ADN perlu mematuhi peraturan DNS seperti dititahkan ketika sembah mengadap baginda, di Istana Bukit Kayangan, baru-baru ini.

"ADN juga diingatkan supaya menjauhkan perkara tidak diingini seperti berlaku di Dewan Rakyat, baru-baru ini," katanya.

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
App Store
Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

# Selangor komited sedia kemudahan perumahan

**SHAH ALAM** - Isu air, perumahan dan kebajikan rakyat antara perkara disentuh ketika Program Wawancara Khas Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, bersama radio Selangor FM, baru-baru ini.

Melalui wawancara khas itu, Amirudin menekankan, Selangor komited menyediakan kemudahan perumahan buat penduduk, di negeri itu.

Katanya, Kuala Lumpur yang menjadi 'jiran' Selangor pesat dengan kegiatan ekonomi, sekali gus membuatkan kebanjiran pekerja.

"Semua pekerja ini memerlukan rumah dan kebanyakan mereka memilih untuk tinggal di Selangor termasuk Kajang, Ampang, Petaling Jaya dan Gombak.

"Disebabkan itu, kita sedang dalam pembinaan 20,000 rumah berharga RM42,000 hingga RM250,000. Ia sudah dalam pembinaan dan diharapkan supaya dapat menampung jumlah permintaan perumahan kumpulan ini," katanya.

Pada masa sama, isu air turut menjadi fokus bual bicara berkenaan, Amirudin dalam nada tenang memberitahu ia sudah hampir selesai.

"Ia bukan lagi berada di tahap membimbangkan, namun kita tetap memandang serius kerana jika Kerajaan Negeri gagal menyediakan bekalan air yang cukup, maka ia sudah tentu mengganggu pembangunan sedia ada.

"Tidak guna hanya ada pembangunan rancak tetapi masalah air membelenggu rakyat. Kita mahu isu air ini ditangani dengan baik dan menyasarkan Selangor mempunyai bekalan air mencukupi tidak lama lagi selain memberi bekalan selamat kepada rakyatnya," katanya.

Pada penghujung temubual, Amirudin turut ditanya berhubung medium media sosial yang menjadi penghubungnya dengan rakyat Selangor.

"Media sosial termasuk Facebook, Instagram dan Twitter sudah menjadi medium kepada rakyat Selangor untuk membuat aduan kepada saya secara terus.

"Malah, ia adalah ruang berkomunikasi dengan rakyat, sekaligus mengurangkan protokol, dan adalah menjadi harapan saya supaya tiada rakyat Selangor tersisih dalam menikmati kemajuan, di negeri ini," katanya.

## Terima kunjungan hormat Duta Perancis

# Fokus hala tuju pelaburan

OLEH **ZAREEF MUZAMMIL**

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari menerima kunjungan hormat Duta Besar Perancis ke Malaysia, H.E Frederic Laplanche, di pejabatnya, di Bangunan SUK Tingkat 21, baru-baru ini.

Frederic tiba kira-kira jam 11 pagi, dan ia merupakan kunjungan pertama beliau bersama pimpinan tertinggi negara itu.

Dalam pertemuan selama sejam itu, Amirudin dan Frederic antara lain membincangkan usaha mengukuhkan hubungan dua hala antara Selangor dan Perancis, khususnya dalam bidang pelaburan.

"Ia satu pertemuan sangat baik kerana Perancis adalah rakan strategik kita yang setia, malahan sebanyak 40 peratus pelaburannya ke Malaysia bertapak, di Selangor.

"Pada masa sama, kami turut berbincang berhubung cadangan bidang tertentu bagi melebarkan pelaburan Perancis ke negeri ini, sekali gus menjayakan Selangor Smart City," katanya ketika ditemui SelangorKini selepas pertemuan itu.

Selain menyentuh hala tuju perniagaan dan ekonomi mampan, Amirudin berkata, perbincangan turut memfokuskan terhadap inisiatif memperkasa bidang kebudayaan serta kesenian, di Selangor.



**Amirudin menyerahkan cenderahati kepada Frederic berupa buku yang diterjemah dari karya Bahasa Perancis ditulis Voltaire dan Rifaat Tahtawi**

"Sebagaimana kita sudah mempelajari bahawa Perancis adalah sebuah kota budaya yang mantap, *'establish'* dan maju.

"Dalam pertemuan ini, kita dapat berbincang dan menarik perhatian untuk melebarkan bidang seni dan budaya.

"Beberapa perkara lain juga diketengahkan terutama berkenaan Islam dan budaya setempat masyarakat kita," katanya.

Terdahulu, Frederic dilantik sebagai duta besar negara itu ke Malaysia, sejak Jun 2017.

Terdahulu, hubungan diplomatik Malaysia dan Perancis sudah terjalin sebaik sahaja Malaysia mengecap kemerdekaan, pada 1957.

Perancis juga antara negara terawal membuka kedutaannya di Kuala Lumpur tepat pada tarikh keramat 31 Ogos 1957.

# Integriti kunci JMB/MC cemerlang urus wang

**SHAH ALAM** - Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) perlu berintegriti dalam mengendalikan sumber kewangan bagi melancarkan pengurusan sesebuah pemajuan berstrata.

Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Talha berkata, hal itu kerana sumber kewangan adalah nadi bagi memastikan operasi, penyelenggaraan fasiliti dan bangunan tidak terjejas.

"Ilmu pengurusan kewangan membabitkan pelbagai aspek dan situasi antaranya integriti. Amanah ini ditakrifkan sebagai berintegriti, akauntabiliti dan kebolehpercayaan.

"Pihak ini perlu diberi kefahaman dan kekuatan ilmu supaya mereka boleh melaksanakan tugas, sekaligus mengurangkan permasalahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Seminar Pengurusan JMB/MC Selangor Siri 1/2018, di Dewan Jubli Perak, SUK, pada 29 Julai lalu.

Haniza berkata, JMB/MC juga perlu adil menyalurkan perbelanjaan supaya tidak menimbulkan perselisihan faham antara pengurusan dan penduduk.



"Ada kes JMB/MC banyak kumpul duit, namun tidak digunakan untuk perkara memanfaatkan pemilik. Ini menimbulkan pergaduhan dan menyebabkan pemilik tidak mahu lagi membayar caj bulanan semasa.

"Selain itu, pihak pengurusan juga perlu memahami aspek merancang perbelanjaan dan aspek teknikal serta pelaksanaan yang perlu dipelajari," katanya.

Pada masa sama, Haniza turut mahu aspek pendidikan komuniti tidak diabaikan semua pihak.

Katanya, semua pihak perlu memberikan kesedaran secara berterusan kepada pemilik berstrata supaya mereka mendisiplinkan diri dan menjelaskan bayaran.

"Kerajaan Negeri menyediakan landasan kepada semua JMB/MC supaya mereka berkongsi pengalaman.

"Tidak semua gagal dalam melaksanakan kutipan tetapi boleh diikuti dan mempelajari sesama mereka yang mendapat kutipan melebihi 60 peratus," katanya.

# LPHS bentuk komuniti strata bersih, ceria dan harmoni

**SHAH ALAM** - Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) komited memberi kesedaran kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) dalam memangkin pembentukan komuniti pemajuan strata.

Pengarah Eksekutifnya, Sr Nazmi Osman berkata, kepentingan mempunyai sumber kewangan stabil supaya nilai hartanah meningkat penting memastikan komuniti bersih, ceria dan harmoni.

Katanya, LPHS dengan kerjasama Pesuruhjaya Bangunan di semua Pihak Berkuasa Tempatan akan mengadakan beberapa siri seminar yang memfokuskan kepada pendidikan pengurusan kewangan optimum.

"Terdapat sejumlah 6,172 kawasan pemajuan strata membabitkan 655,547 petak, di Selangor.

"Manakala, 1,346 kawasan pangsapuri kos rendah terdiri daripada 219,806 petak.

"Ini memberi gambaran permasalahan pengurusan pemajuan strata yang sering dipaparkan media. Jika tidak ditangani secara cekap, maka ia akan menjadi isu negeri dan nasional yang sangat serius," katanya.

Nazmi berkata, tiga kompenan utama dalam pengurusan kewangan yang perlu diberi penekanan utama antaranya pengurusan caj kutipan bulanan yang efektif, pelaksanaan perbelanjaan berimbang dengan hasil kutipan dan mengawal gejala vandalisme.

Katanya, kompenan utama itu perlu bagi memastikan JMB/MC mempunyai sumber kewangan mencukupi supaya mereka mengurus akan pangsapuri dengan baik.

"Sehubungan itu, LPHS turut membuat pemantauan secara berterusan dan berkala ke atas JMB/MC supaya matlamat ini akan tercapai," katanya.

Seminar itu bertujuan memberi pendedahan dalam menggunapakai tatacara kerja kewangan.

Ia juga menjadi landasan membincang dan menyelaras isu kewangan semasa, permasalahan yang wujud serta tindakan penyeragaman atau cadangan pe nambahbaikan berdasarkan perundangan Akta 757.

tvs Tonton TVSelangor
selangortv.my



PAKATAN di landasan betul

# Islam dan Melayu terus diperkasa




OLEH **NADIAH ZAMLUS**

**SHAH ALAM** - Ketua Umum Pakatan Harapan (PAKATAN), Datuk Seri Anwar Ibrahim menjamin kepentingan orang Melayu tidak sesekali akan diusik.

Katanya, beliau sedar, ada dalam kalangan rakyat terkejut dengan beberapa kenyataan 'cuai' dikeluarkan pimpinan PAKATAN, sejak akhir-akhir ini.

"Ramai yang mempersoalkannya, namun orang ramai patut tahu, dalam PAKATAN, Islam adalah tunggak utama dan begitu juga dengan kepentingan Melayu Bumiputera.

"Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan, ia adalah kerangka kepada negara, sudah tentu bahasa ini perlu dikuasai semua yang bergelar rakyat Malaysia, namun dalam mengiktiraf Bahasa Melayu, kita tidak akan pinggirkan bahasa lain.

"Saya sendiri juga akan mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu, kita perlu ingatkan sekali lagi, negara kita masih mengikut Perlembagaan Negara," katanya.

Anwar berkata, walaupun begitu beliau melihat pentadbiran Kabinet yang dipimpin Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak lari daripada landasan.

"Saya memerhati pelbagai isu sebelum ini dari jauh saja ketika berada di Turki, namun saya yakin pimpinan Tun Mahathir tidak lari dari prinsip yang dipegang PAKATAN," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Ceramah Perdana bersama Anwar Ibrahim ketika Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis di Padang Rakyat Jalan Kebun, pada 31 Julai lalu.

> **Ramai yang mempersoalkannya, namun orang ramai patut tahu, dalam PAKATAN, Islam adalah tunggak utama dan begitu juga dengan kepentingan Melayu Bumiputera**
>
> **ANWAR IBRAHIM**
> Ketua Umum PAKATAN

Hadir sama Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari; Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr Xavier Jayakumar; Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), Ng Suee Lim dan EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Talha.



## Pertahan dan mantapkan institusi tahfiz

**SHAH ALAM -** Pengetua Sekolah Tahfiz yang juga Calon KEADILAN bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis akan terus mempertahankan institusi itu supaya terus diperkasa serta dimantapkan.

Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, institusi tahfiz ketika ini tidak seharusnya dipandang enteng kerana ramai pelajar daripada institusi itu dilahirkan sebagai golongan profesional.

Katanya, pelajar tahfiz berjaya dalam pembangunan modal insan kelas pertama antaranya menjadi jurutera, doktor, wartawan dan pensyarah.

"Hari ini, kita berada di institusi tahfiz yang terbaik di Selangor, malahan ada tiga lagi, di kawasan lain.

"Kerajaan Negeri sangat prihatin dengan institusi ini, jadi apabila ada suara ketinggalan zaman itu, ia tidak munasabah.

"Kita seharusnya ke hadapan untuk membangunkan institusi ini dalam masyarakat kerana mereka bukan sahaja menjadi penghafaz al-Quran tetapi menjadi insan kelas pertama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi, di Alam Impian, di sini, pada 27 Julai lalu.

Hadir sama, Pengerusi Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama KEADILAN, Dr Muhammad Nur Manuty.

Mohd Zawawi berkata, pihaknya akan terus mempertahankan institusi itu selain menambahbaik infrastruktur dan pengurusan di sekolah tahfiz, khususnya kawasan beliau.

Malah, katanya, beliau akan cuba membantu maahad tahfiz persendirian dalam usaha mengembangkan dan memelihara agama Islam.

"Masalah utama yang dihadapi pengusaha maahad tahfiz adalah tidak mendapat permit daripada bomba dan Pihak Berkuasa Tempatan kerana banyak sekolah berada di premis perniagaan atau kawasan persendirian.

"Bagaimanapun, saya akan mencuba sedaya upaya untuk membantu urusan jika mahu menaiktaraf atau memantapkan ilmu tenaga pengajar dengan kursus," katanya.

SELANGOR KINI
SIDANG PENGARANG
**PENASIHAT:** Lembaga Editorial CCSB
**PENGARANG :** Nurul Farina Nazlan
**PENOLONG PENGARANG** Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera
**WARTAWAN:**
Hafizan Taib : hapizantaib@mediaselangor.com,
Nazli Ibrahim : nazli@mediaselangor.com,
Afix Redzuan : syafiq@mediaselangor.com,
Norhayati Umor : hayati@mediaselangor.com,
Ermizi Muhamad : noraizie@mediaselangor.com
Sheeda Fathil : sheeda@mediaselangor.com
Nadiah Zamlus : sitinadiah@mediaselangor.com
Zareef Muzammil : zareefmuzammil@mediaselangor.com
**JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN:**
Nadhrah Azlan : nadhrah@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 109)
Shafiq Hamsi : Shafiqhamsi@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 109)
**JURUGAMBAR:** Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof
**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB
Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

## Kebajikan institusi Islam dipeduli

**SHAH ALAM -** Kerajaan pimpinan Pakatan Harapan (PAKATAN) tidak pernah mengabaikan kepentingan Islam khususnya di Selangor, sejak 2018.

Calon KEADILAN bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, ia dibuktikan apabila Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), diberi peruntukan besar bagi menjayakan projek pembinaan dan memeriahkan rumah ibadat, seluruh negeri.

Katanya, sejak 2015 hingga tahun ini, sebanyak 25 masjid baru dibina, di seluruh Selangor.

"Bagi tahun sama, peruntukan pembinaan dan penyelenggaraan masjid diterima JAIS sebanyak RM208.824 juta.

"Pecahan bagi peruntukan itu membabitkan RM44.1 juta (2015), RM67.4 juta (2016), RM35 juta (2017) dan RM62.3 juta (2018).

"Ini adalah peruntukan besar yang membuktikan keprihatinan kerajaan dalam memartabatkan Islam, di negeri ini," katanya.

Mohd Zawawi berkata, pada 2016, kerajaan turut memperuntukkan RM16 juta bagi membina tiga maahad tahfiz.

"Peruntukan RM52 juta juga diberikan bagi membina dua Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) di Pandan dan Bagan Lalang," katanya.

Sehubungan itu, katanya, berdasarkan fakta berkenaan, membuktikan Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan kepentingan dan kebajikan Islam, di negeri itu.

"Jangan mempermainkan isu agama dalam kempen kali ini kerana Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan kebajikan dan kepentingan berkaitan umat Islam," katanya.

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
App Store
Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

Pertama di Asean

# Selangor miliki kompleks rekreasi wanita

OLEH **NAZLI IBRAHIM**

**PUCHONG** - Kompleks rekreasi khas untuk wanita yang bakal dibina bukan sahaja menjadikan Selangor sebagai model kepada negeri lain, bahkan yang pertama seumpamanya, di Asia Tenggara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, kompleks yang bakal dilengkapi pelbagai kemudahan mesra wanita itu dijangka mampu menarik perhatian pelancong dalam kalangan golongan itu dari luar negara khasnya Asia Tengah.

"Kompleks ini bakal dilengkapi kolam renang, gelanggang dalaman, pelbagai kemudahan seperti pusat penjagaan kanak-kanak, spa, pusat dandanan rambut dan kecantikan serta urutan, sekali gus membolehkan wanita menghabiskan masa sehari di kompleks ini untuk memanjakan diri, pada hujung minggu.

"Projek ini juga mempunyai pasaran antarabangsa apabila bakal dijadikan sebagai tarikan kepada wanita luar negara yang datang ke negara kita.

"Ia satu lagi peluang ekonomi dan kita cuba laksanakan mengikut taraf antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media ketika lawatan tapak projek kompleks terbabit yang turut dihadiri Pengerusi Institut Wanita Berdaya, Dr Daroyah Alwi di Bandar Bukit Puchong di sini, baru-baru ini.

Zuraida berkata, kompleks itu bakal menjadi tempat yang sangat sesuai untuk golongan wanita mendapatkan privasi bersosial sesama mereka sama ada bertukar fikiran, membina jaringan kerja dan aktiviti lain.

Katanya, kompleks didirikan di atas tanah seluas 6.07 hektar itu mampu membantu golongan wanita melegakan tekanan terhadap tanggungjawab sebagai suri rumah atau bekerja, di pejabat.

"Kita nak membudayakan wanita untuk turut melihat kesihatan, mental dan ruang untuk istirehat atau terapi mereka kerana saya lihat ramai golongan ini tidak menghiraukan berkenaan diri sendiri ekoran kesibukan kerja dan menguruskan rumah tangga," katanya.

SelangorKini difahamkan, kos projek itu hanya dapat diketahui apabila kajian perincian kompleks disiapkan sepenuhnya.



**Zuraida ketika mengadakan sesi lawatan tapak projek kompleks rekreasi khas untuk wanita yang bakal dibina, di Bandar Bukit Puchong**

ADVERTORIAL

## SACC Grocer by SK Mart tawar harga berpatutan

Pasar raya SACC Grocer by SK Mart yang kini dibuka di SACC Mall, di sini, menawarkan harga berpatutan untuk barangan basah, mentah dan runcit sejak pembukaannya, pada 9 Julai lalu.

SACC Grocer by SK Mart adalah outlet hasil kerjasama PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) yang dibuka khusus kepada warga Shah Alam untuk membeli barangan keperluan dengan harga berpatutan.

Ketua Pegawai Eksekutif PREC, Fakru Radzi Ab Ghani berkata, pembukaan pasar raya seluas 10,600 kaki persegi itu terletak di aras bawah SACC Mall bagi menggantikan pasar raya Giant.

"Kita yakin pembukaan pasar raya ini mampu menarik lebih ramai pengunjung selain membantu merancakkan perkembangan ekonomi di bandar Shah Alam dan Selangor secara menyeluruh," katanya.

Manakala, Pengurus SACC Grocer by SK Mart, Azari Alias berkata, pasar raya itu sentiasa menawarkan barangan mentah yang dijamin segar, setiap hari.

Katanya, antara barangan mentah ditawarkan adalah satu kilogram (kg) ayam segar (RM6.99); sebiji lemon (RM1); seekor ikan siakap (RM6.99); seekor ikan bawal emas (RM5.99); satu kg sotong putih (RM12.90) dan sekilo daging lembu (RM18.50) serta beberapa lagi barangan lain.

"Promosi barang segar dan runcit terpilih itu akan berlangsung mulai 23 Julai hingga 5 Ogos ini dengan perbandingan harga kompetitif daripada pasar raya luar sebanyak RM1 selain memberi peluang kepada pembeli menikmati penjimatan yang berbaloi," katanya.

Waktu operasi SACC Grocer by SK Mart bermula jam 10.30 pagi hingga 10 malam dan majlis pelancaran secara rasmi dijangka akan berlangsung pada bulan September dengan tawaran promosi yang lebih mengujakan.

SK Mart yang dimiliki oleh SK Market juga mempunyai tiga pasar raya di cawangan lain iaitu di One City USJ Subang, Cheras dan Balakong.









Tonton TVSelangor
selangortv.my



Pastikan industri kekal kompetitif

# Kaji semula Dasar Automotif Nasional



**KUALA LUMPUR** - Dasar Automotif Nasional sedang dikaji semula bagi memastikan industri terbabit kekal kompetitif, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kajian itu meliputi perkara berkaitan pembangunan industri automotif tempatan termasuk projek kereta nasional yang baharu, pembangunan syarikat tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta peningkatan eksport.

Katanya, industri automotif negara khususnya Proton mengalami kemerosotan dalam tempoh 10 tahun lalu kerana dasar membenarkan kereta daripada semua negara masuk ke pasaran Malaysia, namun syarat ketat dikenakan ke atas kereta keluaran tempatan yang hendak dipasarkan di luar negara seperti pematuhan emisi karbon Euro 5 dan cukai agrikultur.

"Semua negara ini mengenakan syarat supaya Proton tidak dapat tembusi pasaran mereka. Mereka juga mempunyai kilang yang amat besar dan mengeluarkan berjuta-juta kereta setahun selain menyekat kereta luar masuk ke pasaran mereka," katanya menjawab soalan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam), di Dewan Rakyat, pada 30 Julai lalu.

Ka Siong ingin tahu berhubung projek kereta nasional ketiga dan adakah kerajaan mengambil iktibar daripada masalah yang membelenggu Proton, selama ini, lapor BERNAMA.

# Tepis dakwaan PAKATAN gagal laksana manifesto

**KLANG** - Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menepis isu dimainkan Barisan Nasional (BN) sepanjang kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis kononnya kerajaan Pakatan Harapan (PAKATAN) gagal melaksana manifesto Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) dan mempertahankan hak orang Melayu serta Islam.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri secara sinis bertanya semula kepada BN tempoh PAKATAN menjadi Kerajaan Persekutuan berbanding BN yang sebelum ini menerajui pentadbiran kerajaan.

"Berapa hari kita (PAKATAN) dalam kerajaan? Berapa lama BN dalam kerajaan? Itu saya tanya baliklah," katanya selepas meluangkan masa menghadiri program pemeriksaan kesihatan percuma anjuran Hospital Pakar Al-Islam Kampung Baru, Kuala Lumpur bersama Biro Kesihatan Angkatan Belia Islam Malaysia, di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik dan calon KEADILAN untuk PRK DUN Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni, lapor BERNAMA.

PRK DUN Sungai Kandis pada 4 Ogos ini bakal menyaksikan Mohd Zawawi ditentang calon BN, Datuk Lokman Noor Adam dan calon Bebas, K Murthy dan ia diadakan ekoran kematian penyandang kerusi berkenaan, Mat Shuhaimi Shafiei, akibat kanser limfoma, pada 2 Julai lalu.

Sepanjang tempoh berkempen, BN mengambil kesempatan memainkan isu kononnya Kerajaan PAKATAN gagal melaksanakan manifesto PRU14 selain 'memomokkan' pengundi kononnya gagal mempertahankan hak orang Melayu dan Islam.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini, dilaporkan berkata, kerajaan memerlukan masa lebih 100 hari untuk menunaikan janji yang terkandung dalam manifesto PAKATAN.

Beberapa janji PAKATAN yang sudah dilaksanakan adalah seperti mengeluarkan nama peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional daripada senarai hitam serta memansuhkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan.

# Matlamat asal Khazanah menyimpang



**SHAH ALAM** - Kerajaan Pakatan Harapan (PAKATAN) perlu mengkaji semula peranan dimainkan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) ekoran menyimpang daripada matlamat asal penubuhan, kata Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, terdapat beberapa perkara berlaku sejak tahun lalu sehingga menuntut kerajaan baharu kembali meletakkan syarikat terbabit, di landasan betul.

"Saya ada beberapa contoh yang menuntut kita untuk melihat semula peranan syarikat ini iaitu yang paling kecil sebelum ini adalah Khazanah sudah melabur hampir AS$20 juta melalui sebuah syarikat borong dalam talian yang menjual baju dalam wanita dan akhirnya pelaburan ini terpaksa dihapus kira.

"Selain itu, terdapat pelaburan dibuat melalui ekuiti swasta untuk mengambil alih sebuah bank. Oleh kerana perbincangan itu tidak dibuat terus dengan bank berkenaan tetapi melalui ekuiti swasta, sekali lagi pelaburan terbabit terpaksa dihapus kira sebanyak RM3 bilion," katanya ketika ucapan ke atas Perbahasan Titah Diraja, di Parlimen, pada 1 Ogos lalu.

Terdahulu, kenyataan itu dibuat sebagai reaksi balas terhadap pertanyaan Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Razak, yang turut mempertikaikan Khazanah menyimpang daripada objektif asal walaupun sepanjang tempoh 10 tahun aset syarikat berkenaan melonjak daripada RM30 bilion kepada RM134.5 bilion.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, hal itu bagi memastikan aset strategi negara yang ditetapkan dapat diurus dengan baik dan bertanggungjawab.

"Saya tidak mahu pergi lebih daripada itu dan segala perincian daripada contoh berkenaan akan diberikan dalam masa terdekat selepas pengerusi baharu mengambil alih syarikat," katanya.

Media tempatan sebelum ini melaporkan peletakan jawatan sembilan ahli lembaga pengarah Khazanah termasuk Pengarah Urusan, Tan Sri Azman Mokhtar dan Pengerusi Eksekutif, Tan Sri Nor Md Yusof.

# *'Kita Punya Malaysia'* lagu tema Hari Kebangsaan



**PUTRAJAYA** - Lagu 'Kita Punya Malaysia' nyanyian Bunkface dipilih sebagai lagu rasmi sambutan kemerdekaan kali ini.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Gobind Singh Deo berkata, lagu ciptaan Sam Bunkface itu dipilih kerana mempunyai mesej perpaduan, ketinggian jati diri dan mengingatkan pendengar bahawa negara ini kepunyaan semua rakyat.

"Lagu ini memang berbeza dengan lagu tema Hari Kebangsaan sebelum ini kerana lebih 'menangkap' pendengar dan lebih bertenaga," katanya pada sidang media yang diadakan di Wisma Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, di sini, baru-baru ini.

Gobind berkata, sebelum ini kementerian itu turut menerima banyak cadangan lagu lain.

"Kita menerima 632 logo yang dihantar dan pelbagai lagu ciptaan komposer, di Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, katanya, selain lagu 'Kita Punya Malaysia', kementerian itu turut mengalu-alukan lagu patriotik lama dimainkan di radio dan kaca televisyen.

**Lagu ini memang berbeza dengan lagu tema Hari Kebangsaan sebelum ini kerana lebih 'menangkap' pendengar dan lebih bertenaga**

**GOBIND SINGH**
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia



Menjelang Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-249

# Berkenan tubuh Jawatankuasa Tertinggi Hal Ehwal Islam

**KUALA LUMPUR** - Raja-Raja Melayu berkenan menubuhkan Jawatankuasa Tertinggi Institusi Hal Ehwal Islam Peringkat Persekutuan dianggotai lima tokoh pentadbir, agama dan akademik dalam usaha menambah baik semua institusi Islam peringkat Persekutuan, di negara ini.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dalam kenyataannya berkata, keputusan penubuhan jawatankuasa tertinggi itu dicapai Raja-Raja Melayu yang bersidang pada 10 Julai lalu, menjelang Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-249.

"Fungsi jawatankuasa itu antaranya untuk mengkaji kedudukan pengurusan hal ehwal Islam, latar belakang penubuhan, bidang kuasa dan keberkesanan agensi agama sedia ada termasuk agensi perundangan serta penghakiman syariah, di peringkat Persekutuan.

"Dalam menjalankan tugasnya, jawatankuasa tertinggi ini juga akan menerima memorandum dan berbincang dengan pihak berkepentingan termasuk mereka yang sudi dengan sukarela menyampaikan pendapat masing-masing," katanya dalam kenyataan media.

Jawatankuasa tertinggi itu dianggotai lima ahli yang dilantik Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, dengan persetujuan Raja-Raja Melayu, manakala Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dilantik sebagai urusetia.

Ia dipengerusikan bekas Ketua Setiausaha Negara, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Timbalannya, Datuk Dr Afifi al-Akiti yang juga Felo, di Oxford Centre for Islamic Studies.

Manakala, keahlian jawatankuasa itu terdiri daripada Prof Tan Sri Dr Mohd Kamal Hassan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; bekas Mufti Johor, Datuk Nooh Gadot dan bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz.

Dalam kenyataan itu, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja berkata, penubuhan jawatankuasa tertinggi terbabit selari dengan kedudukan Islam yang termaktub mengikut Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan.

"Usaha ini amat wajar kerana ia kekal menghormati prinsip dan bidang kuasa raja-raja sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing selain institusi agama terus ditambah baik demi mempertahankan Islam, di samping terus menyebarluaskan nilai kesejagatan Islam, di negara ini," katanya.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja berkata, hasil kajian jawatankuasa tertinggi itu kelak akan dikemukakan kepada majlis raja-raja dengan cadangan penambahbaikan bagi pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan supaya berada di atas landasan yang betul.



Tonton TVSelangor
selangortv.my



OLEH **ZAREEF MUZAMMIL**

Tiga daerah jadi perintis

# Tourism Selangor wujudkan hos komuniti

**SEPANG** - Tourism Selangor mewujudkan satu program khas dikenali hos komuniti sebagai persediaan menanti kehadiran pelancong asing ke negeri itu.

Pengurus Besarnya, Noorul Ashikin Mohd Din berkata, seramai 20 peserta daripada tiga daerah membabitkan Klang, Sabak Bernam dan Kuala Selangor terpilih untuk menyertai program berkenaan.

Katanya, semua peserta akan didedahkan dengan modul asas pemanduan pelancong sepanjang enam bulan menjalani program terbabit.

"Mereka dipilih melalui sesi temuduga yang dibuat baru-baru ini di tiga PBT itu dan sedang menjalani program latihan yang dikendalikan pihak kami.

"Keutamaan ini sebenarnya diberikan kepada anak jati Selangor yang menetap dan bermastautin di negeri ini, lebih 10 tahun.

"Selepas selesai menjalani program ini, peserta akan bergraduasi dan mendapat sijil yang diiktiraf Kementerian Pelancongan Malaysia," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Gala BBQ Dinner bersama penggiat media dan blogger, di Avani Sepang Goldcoast, di sini, baru-baru ini.

Pada masa sama, Ashikin berkata, agensi pelancongan lain

**Keutamaan diberi kepada anak jati Selangor yang menetap dan bermastautin lebih 10 tahun. Selepas selesai menjalani program ini, peserta akan bergraduasi dan mendapat sijil yang diiktiraf Kementerian Pelancongan Malaysia**

**NOORUL ASHIKIN**
Pengurus Besar Tourism Selangor



boleh menggunakan khidmat peserta hos komuniti itu untuk mempromosi pakej ditawarkan mereka kepada pelancong.

"Selain membawa pelancong menerokai tempat menarik, peserta hos komuniti turut berpeluang menceritakan sejarah dan keunikan yang terdapat, di kawasan mereka.

"Ini antara langkah agresif kami ke arah menuju Tahun Melawat Malaysia selain merancakkan lagi projek pelancongan sedia ada, di Selangor," katanya.

# Buah naga Sepang tembusi pasaran asing

**SEPANG** - *'Dragon Fruit'* atau Buah Naga antara produk keluaran tempatan dari daerah Sepang yang mendapat permintaan tinggi, di pasaran antarabangsa.

Pengusahanya, Daniel Lee Chee Wei, 38, berkata produk itu sudah berjaya menembusi pasaran Hong Kong, Taiwan dan Singapura.

"Setiap kali buah naga masak dengan menghasilkan warna seakan merah jambu, kami akan mengutip hasil dalam tempoh satu masa kerana ia perlu dieksport segera supaya tidak rosak.

"Pada masa sama, kami amat menekankan aspek kawalan penjagaan dan kualiti buah memandangkan pasaran bukan hanya dalam negara tetapi ke peringkat pasaran asing.

"Kami mahu pelanggan meletakkan kepercayaan tinggi terhadap produk ini. Sudah tentu kami mengharapkan kebolehpasaran secara berterusan," katanya kepada SelangorKini ketika ditemui pada Media Familirization Trip Tourism Selangor, di sini, baru-baru ini.





Anak jati Sepang itu memulakan perusahaan tanaman buah naga sejak 2005 dengan hanya berbekalkan dua ekar (0.809 hektar) tanah milik bapanya.

Namun, berkat kesungguhannya yang tidak canggung berjemur di bawah panas matahari, beliau kini sudah melebarkan sayap dalam bidang keusahawanan apabila turut mengerjakan tanaman sama, di Rembau dan Tampin, Negeri Sembilan.

Di samping itu, Chee Wei berkata, sebanyak 400 pokok boleh ditanam bagi setiap ekar tanah daripada segi pengeluaran produk.

"Setiap ekar pula boleh dapat hasil sebanyak 500 kilogram (kg). Dengan keluasan 30 ekar (12.14 hektar) yang ada di sini, maka kami boleh hasilkan sehingga 15,000 kg.

"Namun, bergantung kepada keadaan semasa juga. Jika hasilnya kurang, sebatang pokok hanya 50 biji dan keuntungan akan sedikit terjejas.

"Setakat ini, saya bersyukur kerana pendapatan hasil pengeluaran masih lagi stabil," katanya.

# Sarang burung Kuan Wellness Ecopark curi tumpuan

**KUALA LANGAT** - Kuan Wellness Ecopark memacu perkembangan positif sebagai pengeksport produk makanan kesihatan berasaskan sarang burung ke China.

Pengarah Urusannya, K K Kuan berkata, 90 peratus kadar eksport ke negara itu membabitkan jumlah sehingga 400 tan untuk tempoh setahun.

Katanya, Kuan Wellness Ecopark antara destinasi pelancongan berkonsepkan taman ekologi yang menerima kunjungan hampir kebanyakan pelancong, dari China.

"Pengunjung terutama dari China kerap berkunjung ke sini untuk melihat sendiri proses dijalankan oleh kami dalam penghasilan ubat-ubatan berbentuk suplemen kesihatan.

"Kebanyakan mereka obses dan suka benda seperti ini. Mustahil jika mereka tidak tertarik dengan produk ini kerana ia diyakini mampu menguatkan sistem imunisasi badan dan baik untuk kesihatan.

"Jadi, kami akan bawa pengunjung yang datang ke kafeteria untuk memberi peluang kepada mereka merasai benih sarang burung dan makanan kesihatan," katanya.

Beliau bercakap kepada SelangorKini ketika ditemui pada Media Familirization Trip Tourism Selangor, di sini, baru-baru ini.

Terdahulu, Kuan Wellness adalah pelopor utama dalam penanaman dan pengeluaran sarang burung, di negara ini.




Selain berperanan sebagai pusat penyelidikan sarang burung walit, ia turut menyediakan mini zoo atau *'petting zoo'* yang melindungi haiwan seperti arnab, ikan talapia dan burung nuri.

Terdapat juga haiwan terkawal lain antaranya ayam belanda, musang dan landak.





Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
App Store Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

Pusat kegiatan ilmu

# Kolaborasi kreatif bangun @pjkita community library











Pada 28 Julai 2018 yang lalu saya amat berbangga merasmikan perpustakaan baharu @pjkita community library, Kampung Lindungan, Petaling Jaya, berkonsepkan kontena yang pertama seumpanya, di Malaysia .

Saya difahamkan bahawa kolaborasi turut membabitkan penduduk Kampung Lindungan daripada segi idea penambahbaikan dalam proses pembangunan perpustakaan ini. Inilah konsep Maju Bersama atau *'Onwards in Unity'* yang saya tekankan dalam beberapa ucapan sebelum ini. Konsep yang memperlihatkan pelbagai pihak baik daripada sektor dan agensi Kerajaan Negeri, kerajaan tempatan, sektor korporat dan rakyat menggembeleng tenaga serta idea bagi membangunkan bangsa juga memakmurkan negeri ini. Syabas diucapkan!.

Di zaman kegemilangan empayar Khalifah Islam Abbasiyah, Kota Baghdad menjadi gedung ilmu yang menjadi tumpuan cendekiawan. Khalifah Harun Al Rasyid membina Baitul Hikmah iaitu satu perpustakaan yang teragung dipenuhi dengan ribuan manuskrip ilmu serta bahan bacaan.

Baitul Hikmah menjadi pusat ilmu terulung dan pencetus kepada penemuan oleh ilmuwan Islam seperti Ibnu Sina, Al Khindi dan Al Farabi serta ramai lagi cendekiawan Islam yang berjaya mencatat penemuan hebat dalam bidang sains, perubatan, astronomi serta matematik.

Perpustakaan menjadi pusat kegiatan utama membabitkan perbincangan dan sesi muzakarah ilmu dijalankan dengan giat. Kehebatan Baitul Hikmah sebagai perpustakaan menjadi contoh kepada peradaban seterusnya dalam kepentingan perpustakaan sebagai nadi pembinaan modal insan dan masyarakat berilmu.

Inilah harapan saya supaya perpustakaan @pjkita community library dapat menjadi pusat kegiatan ilmu masyarakat setempat.

Alhamdullilah sejak penghujung tahun 2008, banyak perubahan memberangsangkan yang kita lihat di Selangor dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor tidak ketinggalan dalam melaksanakan perubahan itu.

Banyak perpustakaan dinaik taraf dengan konsep penjenamaan semula yang memberi definisi baharu terhadap perkhidmatan perpustakaan. Saya dimaklumkan bahawa semua pembangunan dan penaiktarafan perpustakaan dilaksanakan dengan mementingkan prinsip *'value for money'.* Ini adalah prinsip yang Kerajaan Negeri ketengahkan sejak Pakatan Harapan diberi mandat untuk mentadbir Selangor.

Segala projek yang dilaksanakan perlu memberi manfaat kepada rakyat dan dilaksanakan dengan penuh integriti serta *'full of responsibilites to give the best to society'* kerana hasilnya nanti akan memberi impak besar kepada masyarakat.

Alhamdulillah, tahun ini adalah tahun ketiga bagi Selangor dalam melaksanakan gagasan *Smart State*. Bagi memastikan matlamat pembangunan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan hampir RM181 juta bagi pengukuhan sektor pendidikan, di Selangor.

Pelbagai program yang sudah dan sedang dirangka Kerajaan Negeri bagi membantu menaikkan taraf pendidikan di Selangor merangkumi semua peringkat bermula dari tadika hingga ke institusi pengajian tinggi.

Antaranya:

• **Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS)** atau lebih dikenali sebagai **TVET** – Inisiatif ini bertujuan menggarap latihan kemahiran bagi menjamin kebolehpasaran dengan pendapatan yang tinggi dan meningkatkan rantaian nilai modal insan.

• **Youth Enhancement Strategic Selangor (YES)** - Program pembangunan bakat bagi membina generasi muda yang kompeten dalam bidang teknikal dan vokasional bagi memenuhi keperluan industri.

• **Program Smart Selangor Online Free Tuition** – khusus untuk pelajar tahun 4 hingga ke tingkatan 5

• **Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)** – yang diberikan secara percuma kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan sama ada UPSR, PT3 juga SPM.

• **Program Peduli Siswa IPTA dan Timur Tengah** - tajaan pembiayaan bagi anak Selangor yang berkelayakan dan menuntut di IPTA serta melanjutkan pelajaran ke universiti antarabangsa, di Timur Tengah.

• **Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT)** – sumbangan RM1000 bagi setiap anak Selangor yang berjaya mendapat tempat di Institut Pengajian Tinggi. Salah satu inisiatif peduli rakyat yang diperkenalkan, sejak 2008.

Ini menunjukkan betapa Kerajaan Negeri amat komited dalam membangunkan masyarakat berasaskan ilmu, di Selangor.

Ke arah itu, Selangor harus bersedia dengan sumber manusia yang berkemahiran untuk memajukan negeri dalam bidang berteknologi tinggi, industri berimpak tinggi dan dan kegiatan ekonomi berdasarkan *'knowledge economy'.*

Kerajaan Negeri sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan insan untuk melahirkan rakyat Selangor yang mempunyai kekuatan intelektual, spiritual dan emosi seimbang.

Dalam konteks hari ini, kita mahu rakyat bukan sekadar membaca dan menyebar ilmu. Kita mahu semua lapisan masyarakat mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran di dalam apa sahaja lapangan kerjaya, pekerjaan serta aktiviti kehidupan seharian mereka.

Matlamat jangka panjang adalah untuk melahirkan masyarakat berpengetahuan dan modal insan berkualiti. Modal insan berkualiti dan pembangunan ekonomi adalah aspek yang saling berkaitan. Tanpa modal insan berkualiti, kita akan kekurangan sumber manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif baru dalam kegiatan sosioekonomi bagi membolehkan kita bersaing, di peringkat global.

Kerajaan Negeri berusaha bersungguh-sungguh untuk memberi yang terbaik kepada masyarakat. Perpustakaan ini adalah salah satu contoh usaha Kerajaan Negeri untuk membudayakan ilmu dan memperkayakan modal insan.




**Saya dimaklumkan bahawa semua pembangunan dan penaiktarafan perpustakaan dilaksanakan dengan mementingkan prinsip *'value for money'*. Ini adalah prinsip yang Kerajaan Negeri ketengahkan sejak Pakatan Harapan diberi mandat untuk mentadbir Selangor.**

**AMIRUDIN SHARI**
Dato' Menteri Besar

# Lensa aktiviti N49 DUN Sungai Kandis















# Sambutan Hari Pahlawan Peringkat Negeri Selangor 2018














SMART
SELANGOR
WALK IN INTERVIEW
SEMUA DIJEMPUT HADIR
Y.B. PROF. DR. SHAHARUDDIN BIN BADARUDDIN
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP HAL EHWAL AGAMA ISLAM,PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN NEGERI SELANGOR
Y.A.B. TUAN HAJI AMIRUDIN BIN SHARI
Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
SELANGOR
JOB FAIR
KERJAYA ANDA BERMULA DI SINI
SHAH ALAM CONVENTION CENTRE
4 OGOS 2018 I 9 PAGI - 5 PETANG




## Nikmati erti sebenar

# Kediaman bukan sekadar rumah

OLEH **AFIX REDZUAN**




Hasrat memiliki rumah sendiri sering menjadi bualan masyarakat khususnya ketika mengenang nasib golongan berpendapatan rendah yang bertungkus lumus membanting tulang bagi menyediakan simpanan untuk dijadikan wang pendahuluan membeli aset sendiri.

Tidak dinafikan, adakala masyarakat khususnya berstatus penyewa sering berada dalam keadaan berjaga-jaga menanti detik terpaksa meninggalkan kediaman jika diminta pemilik ekoran keinginan menaikkan harga sewa bulanan selain disokong faktor kegagalan mereka menjaga rumah tidak seperti diharapkan.

Namun, pernahkan masyarakat terfikir bahawa sebuah rumah bukan sekadar tempat berteduh daripada hujan dan panas, bahkan ia membawa erti 'kediaman' atau '*home*'.

EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Talha berkata, Kerajaan Negeri memberikan tumpuan terhadap empat perkara utama dalam memastikan rakyat di Selangor bukan sahaja memiliki rumah tetapi menikmati erti sebenar menerusi persekitaran yang kondusif, selamat serta ceria.

Suara rakyat berkelana di bandar besar tetapi masih belum mampu memiliki rumah sendiri antara isu tumpuan Kerajaan Negeri, di samping nasib pembeli yang masih gagal menetap di unit sendiri ekoran kegagalan pemaju menyiapkannya hingga tersenarai di dalam status projek terbengkalai.

"Daripada segi Akta Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tanggungjawab untuk memberi unit rumah ini khususnya dalam kes rumah terbengkalai di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).



"Tetapi, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk memudahcarakan antara pemaju yang gagal menyiapkan projek dengan pemaju penyelamat. Projek rumah terbengkalai ini sebenarnya membabitkan ribuan unit perumahan dalam pasaran dan antara lokasi terbabit adalah Shah Alam, Selayang serta Ampang," katanya.

Dengan kepesatan kemajuan kawasan bandar dalam menempuh fasa urbanisasi, pembangunan semula kawasan lama bagi menghidupkan semula lokaliti setempat dilihat antara langkah terancang yang boleh dilakukan supaya penduduk dapat menikmati nilai kehidupan lebih baik.

Pangsapuri kos rendah yang sarat dengan masalah sosial perlu dijenamakan semula supaya identiti kediaman ini segar dan bebas daripada aktiviti tidak bermoral serta melahirkan penghuni bertanggungjawab dalam menjaga infrastruktur bersama.




"Pembangunan semula kawasan boleh dilakukan seperti di Taman Datuk Harun. Dahulunya, ia rumah yang sesuai didiami enam ahli keluarga tetapi kini ada satu rumah dihuni tiga keluarga.

"Situasi ini pastinya tidak selesa apabila jumlah penghuni terlalu ramai. Pembangunan semula dapat memberikan kualiti kehidupan lebih baik buat semua keluarga.

"Bagi rumah pangsapuri pula, kita boleh jadikan Singapura sebagai contoh kerana walaupun dibina pada tahun 70an dan milik kerajaan tetapi penyelenggaraan yang sistematik memperlihatkan bangunan lama masih berseri serta segar.

"Berbeza dengan pangsapuri di negara kita walaupun bukan dimiliki kerajaan tetapi jika dijaga dengan baik, diberikan nafas baru sambil disokong penghuni yang bertanggungjawab terutama memelihara harta bersama supaya jangka hayatnya lebih panjang, pastinya ia boleh memberikan keselesaan kepada semua

"Menerusi kerjasama bersama KPKT, kita boleh menjaga persekitaran dan bangunan berstrata supaya keadaan kehidupan mereka berkualiti serta tidak lagi menjadi lokasi masalah sosial yang sering meniti, di bibir masyarakat," katanya.

Haniza berkata, menjadi hasrat Kerajaan Negeri supaya kediaman yang lebih selesa dinikmati semua rakyat di Selangor, di samping mempererat integrasi sosial antara kaum menerusi aktiviti kebun komuniti dan projek kitar semula dengan pulangan lumayan buat penghuni.

"Kita ingin laksanakan projek kitar semula untuk penghuni pangsapuri dengan menawarkan mata ganjaran yang boleh ditukarkan kepada duit atau barangan jika mereka berjaya mengumpul hasil kitar semula tertinggi.

"Di samping itu, saya juga bercadang menyediakan *'homework room'* buat anak di pangsapuri sebagai tempat untuk mereka menyiapkan kerja sekolah. Tempat seperti ini dapat memberikan keselesaan kepada anak kita belajar dan menyiapkan kerja sekolah dengan tenang.

"Ini antara perancangan saya bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat," katanya.

### Rumah Mampu Milik, Rumah Selangorku

Kerajaan Negeri memperkenalkan Dasar Rumah Mampu Milik Negeri Selangor bermula 2014 dengan sasaran 148 projek perumahan siap sepenuhnya dan mempunyai 100,577 unit, sehingga tahun 2030.

Sejak 2014 sehingga penghujung 2018, sejumlah 12 projek perumahan sudah diluluskan dengan 7,804 unit dijangka siap hujung tahun ini, manakala 3,000 daripadanya sudah diserahkan kepada pemilik.

Berdasarkan perancangan tahunan, tujuh projek sudah diluluskan dengan tawaran 3,203 unit bagi tahun 2019 manakala 21,000 unit menerusi kelulusan 29 projek, bagi tahun 2021 hingga 2023.

Setiap pemaju yang sudah mendapat kelulusan pemajuan projek mempunyai tempoh 18 sehingga 24 bulan bagi mereka memulakan kerja atau berdepan pembatalan kelulusan jika gagal berbuat demikian.

Menerusi dasar itu juga, pemaju perlu memberikan keutamaan menyiapkan rumah mampu milik sebelum memulakan projek elit lain bagi mengelakkan kejadian sebelum tahun 2008 berulang.

Di sebalik kesungguhan Kerajaan Negeri menyediakan rumah mampu milik, pemohon turut tidak terlepas daripada masalah mendapatkan pinjaman daripada institusi perbankan disebabkan bebanan tanggungan bulanan .

Keadaan itu turut diselangi rungutan daripada pemohon yang menyifatkan urusan memiliki rumah memakan masa yang lama, sedangkan ia berpunca daripada kegagalan mereka menyemak status keupayaan berhutang.

"Mulai sekarang, Kerajaan Negeri menerusi Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor membuat semakan kelayakan di bank terlebih dahulu sebelum pemaju menawarkan unit kepada pemohon. Kita juga minta bank kemukakan sebab mengapa permohonan pinjaman mereka ditolak supaya pemohon dapat membuat persediaan.

"Sebelum ini, kita sudah memberikan senarai pemohon yang layak kepada pemaju tetapi akhirnya lebih 50 peratus daripada mereka gagal mendapatkan pinjaman. Selain itu, ada juga pemohon tidak bersetuju dengan lokasi unit yang ditawarkan.

"Kita sudah siapkan senarai lokasi yang ditawarkan untuk memudahkan pemohon memilih," katanya.

Di pihak pemaju pula, katanya, mereka bertanggungjawab untuk mengiklankan projek miliknya kerana Kerajaan Negeri sudah membantu daripada segi permohonan secara dalam talian bagi mengurangkan risiko unit tidak terjual.

"Pemaju sering menyatakan mereka berhadapan masalah untuk menjual unit Bumiputera, sedangkan ada antara mereka yang tidak mengiklankan projek itu. Menjadi tugas mereka untuk mengiklankannya supaya lebih ramai yang belum mempunyai rumah mengemukakan permohonan.

"Jika tidak berjaya dijual, Kerajaan Negeri mempunyai cara untuk membantu sehingga unit itu terjual sepenuhnya," katanya.

Tonton TVSelangor
selangortv.my



OLEH **SHAHKANG**

Apakah perasaan anda, pabila pulang dari kerja dan melihat sekeliling rumah – anda menemukan:

**Pertama:** Bangkai dua ekor anak kucing terdampar dalam longkang. Warna bulu kurang jelas sebab dah bercampur gaul dengan air longkang.

**Kedua:** Sekumpulan kucing berwarna cerah (putih, oren, kelabu dan seumpamanya) berhimpun di tepi lorong, tepatnya berdekatan dengan sepohon bunga raya.

Jumlah peserta: Sekitar 10 ekor kucing.

**Ketiga:** Sekumpulan kucing berbulu gelap (hitam, belang koko dan seumpamanya) berhimpun di bawah ampaian kain, belakang rumah.

Jumlah peserta: Sama seperti di atas.

Aku hanya mampu menggeleng. Kesip-kesip mata. Tampar lembut pipi. Jentik telinga. Sakit, sakit, sakit! Ternyata ini bukan mimpi.

Aku menukar pakaian pejabat lalu menekan punat alat kawalan jauh televisyen. Lekas aku membuka pintu kaca gelongsor, mengharapkan Tam segera masuk ke dalam rumah. Penemuan aku tadi memerlukan penjelasan.

Sambil-sambil itu aku menonton sidang forum politik kebangsaan di kaca televisyen.

*Lagu B.Y.O.B dari Systems of A Down samar-samar kedengaran – anak muda rumah sebelah ternyata punya cita rasa sepuluh tahun ke belakang.*

Aku tak mampu bersabar. Dengan pantas aku mencapai kotak makanan kering Tam di kabinet dapur. Goncang sekali. Goncang dua kali. Goncang tiga kali (aku serupa sedang mengikut rentak lagu B.Y.O.B). Akhirnya, muncul bayang hitam di balik tirai pintu.




Datang pun kau, si gemuk.

Tam masuk dengan ekor terpacak ke atas dan langkah gontai. Aku tuang sedikit makanan kering ke dalam mangkuk plastik. Biarkan dia makan dahulu, sebelum dia disoal siasat.

“Mengapa kucing beramai-ramai berhimpun? Mengapa ada dua ekor anak kucing mati di dalam longkang?” Soal siasat bermula. Tam tidak terkejut dengan soalan aku.

Rupanya komuniti kucing di sini sedang mengalami masalah serangan anjing dari taman perumahan sebelah. Mangsa adalah anak-anak kucing kecil. Anjing-anjing ini akan datang menceroboh kawasan, lalu merampas anak-anak kucing berusia tiga bulan ke bawah dari jagaan ibu. Anak-anak ini digigit leher sehingga luka dan separa lemah. Kemudian, dilemparkan ke dalam longkang dan dibiarkan lemas.

“Habis, kenapa perlu berhimpun?”

Sidang forum politik kebangsaan di televisyen sedang rancak. Aku tak kenal siapa ahli panel. Hujah-hujah mereka dengar seperti menyelerakan namun cerita Tam lebih menggamit minatku.

Dua kelompok bertelagah – geng bulu cerah dan geng bulu gelap. Isu pokok adalah siapa yang lebih berhak diberi tugas menghalang si anjing-anjing penceroboh. Geng bulu cerah merupakan penduduk asal taman perumahan ini. Mereka tidak rela mengizinkan geng bulu gelap menjadi juara di hati rakyat untuk menyelesaikan masalah ini. Hanya geng bulu cerah seharusnya menjadi pahlawan rakyat dan berjuang atas nama keamanan taman. Geng bulu hitam pula tidak berpuas hati. Mereka mendesak agar peluang diberi sama rata.

Tam tidak menyertai mana-mana perhimpunan. Tugas hariannya hanya duduk di atas tembok pagar rumah dan menghalang ular daun, tupai atau apa jua binatang daripada melintas sempadan.

“Masing-masing berhimpun, menunjuk kekuatan bahawa mereka paling layak untuk mengawal.” Tam menghabis ayat lalu menjilat-jilat tangan (kaki hadapan).

“Habis, siapa yang sedang mengawal keamanan kucing taman ini?”

Tam menggeleng – tiada siapa. Aku tepuk dahi serta-merta. Kata Tam, setiap kali ada kelompok cuba berkawal sekeliling taman, satu kelompok lagi akan menyerang.

Oh, patutlah aku terdengar pergaduhan kucing begitu dahsyat sejak dua hari lepas!

“Kau kena buat sesuatu, Tam. Kau sebagai seekor kucing non-partisan harus berani menegur! Dalam saat sebegini, keselamatan kucing di sini lebih mustahak berbanding kemegahan sesebuah kumpulan.”

Kau kena buat sesuatu, Tam. Kau sebagai seekor kucing non-partisan harus berani menegur! Dalam saat sebegini, keselamatan kucing di sini lebih mustahak berbanding kemegahan sesebuah kumpulan.”

Tam menjilat-jilat dulu. Pura-pura pekak.

Pandangan aku sekali-sekala terarah ke skrin televisyen.

“Hanya kau sahaja mampu menyelamatkan keadaan!”

Tam letak kepala atas tangan. Lena. Aku terus menggoncangkan badannnya – bangunlah, gemuk! Kau nak lihat makin banyak anak kucing terdampar dalam longkang?

Kau harus bertindak!

Hiss! Tam bengis, membantah cadanganku.

Ah, suka hatilah. Aku sambung menonton forum politik kebangsaan.

Kami tidak bertegur sapa langsung pada malam itu.

Keesokannya, aku pulang kerja seperti biasa. Eh, makin banyak anak kucing terdampar dalam longkang. Tambah membingungkan, jika semalam ada dua kelompok kucing berhimpun, sekarang ada empat. Dua perhimpunan geng berbulu cerah, dua perhimpunan geng berbulu gelap.

Yang ini paling mengejutkan, aku temui Tam terdampar di tepi rak kasut di depan pintu rumah. Badan dan telinga bersopak merah.

Itu darah!

“Mereka tak bersetuju untuk bersatu. Bahkan saya dituduh sebagai barua geng anjing kurap!” Tam mengadu sakit. Segera aku memasukkan Tam ke dalam sangkar. Huh, lantai luar rumah penuh dengan tompok darah dan cebisan bulu berwarna hitam. Bau hancing.

Dengan pantas enjin kereta aku hidupkan semula. Tam duduk termangu dalam sangkar, tidak bermaya. Sepatah apa pun tak bunyi. Perjalanan ke klinik haiwan terasa lama pula. Mujurlah doktor sahkan Tam tidak apa-apa. Cuma dia mengiau kuat waktu kena letak ubat luka tu, biasalah.

Tiba dari klinik haiwan, aku nampak sekumpulan anjing berkumpul di hadapan rumah aku. Hon dua, tiga kali, berambus pun. Mereka tinggalkan tompok darah dan cebisan bulu. Berdekatan pohon bunga raya, seekor kucing berbulu oren baka tempatan sedang nyawa-nyawa ikan. Di dalam longkang, bangkai anak kucing sudah tidak kelihatan kerana bangkai kucing-kucing dewasa sudah menutupi. Air longkang bertambah merah dengan darah para kucing. Aku menutup hidung dek bau hancing yang terlalu menusuk.

Aku hanya mampu menelefon pihak majlis perbandaran untuk melupuskan bangkai-bangkai kucing (aku jumpa banyak lagi bangkai di bawah ampaian dan aku sangat memerlukan bantuan).

Tam? Dia hanya duduk termangu bersendirian di hadapan televisyen, bertemankan siaran forum politik kebangsaan (yang entah ke berapa episodnya).

## Pertanyaan Yang Bersilang

**Musim duka meretakkan waktu**
**tumbang ke pangkal resah**
**memanjangkan jarak**
**yang dijengkal detik ke detik**
**menikam dada, merembas nyilu**
**membekukan persoalan**

**Tangisan pun merenyai**
**mengalir dan memercik**
**ke alur kematian**
**saat terlewat menghidupkan kewarasan**
**di hujung kekejaman**
**pertanyaan bersilang**
**kemungkinan pun bercabang**
**menyebat jiwa yang sendat.**

***Siti Zaiton Ahmad***
***Tapah, Perak***

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
App Store
Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI




# Beri khidmat terbaik

**BANTING** - Setiap ahli majlis yang dilantik diharap dapat menyumbang komitmen bersama Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat seiring misi dan visinya.

Yang Dipertuanya, Mohamad Zain A Hamid berkata, setiap ahli majlis perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan berhubung peranan MDKL bagi meneruskan dasar kerajaan dalam mensejahterakan penduduk.

"Ini kerana, ahli majlis adalah individu paling hampir dengan rakyat dan perantara antara MDKL dengan penduduk setempat.

"Setiap daripada mereka perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan berhubung dasar, peraturan dan undang-undang MDKL. Ia akan memudahkan urusan apabila ahli majlis bertemu dan mendengar permasalahan penduduk," katanya, di sini, pada 1 Ogos lalu.

Majlis pelantikan ahli majlis membabitkan 24 individu dengan 12 daripadanya adalah muka baharu, manakala satu kekosongan yang tinggal akan diputuskan Kerajaan Negeri, selepas ini.

Upacara pelantikan itu diketuai Mohamad Zain dengan lafaz pengakuan menerima jawatan ahli majlis diikuti Orang Besar Daerah Kuala Langat, Tengku Dato' Mohamed Al Haj Tengku Harun.

> **Setiap ahli majlis perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan berhubung peranan MDKL bagi meneruskan dasar kerajaan dalam mensejahterakan penduduk**
>
> **MOHAMAD ZAIN**
> Yang Dipertua MDKL

Tempoh perkhidmatan bagi semua ahli majlis MDKL itu berkuatkuasa mulai 1 Julai lalu hingga 31 Disember 2020.

Di samping itu, Mohamad Zain berkata, MDKL juga mahu setiap ahli majlis mampu menjadi satu pasukan yang kuat bagi memastikan hasrat menjadikan Pihak Berkuasa Tempatan itu bertaraf majlis perbandaran, dalam masa terdekat.

Katanya, semua jabatan, bahagian dan unit di MDKL turut digerakkan untuk bekerja keras ke arah itu.

"Semua perkara ini memerlukan kerjasama jitu daripada setiap warga kerja dan kombinasi muka lama serta baharu ahli majlis supaya dapat memperkukuhkan pentadbiran MDKL.

"Ia seterusnya merealisasikan hasrat menjadikan Kuala Langat sebuah perbandaran maju, dinamik, lestari dan terbilang," katanya.

# Ahli Majlis MBSA mula tugas

**SHAH ALAM** - Seramai 25 ahli majlis secara rasminya dilantik Kerajaan Negeri bagi Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad berkata, semua ahli majlis berkenaan mempunyai pengalaman, pendidikan dan terdiri daripada pelbagai latar belakang.

"Diharapkan, supaya semua ahli majlis ini dapat membantu memperkasakan sistem penyampaian maklumat MBSA, selain dapat menjalankan tanggungjawab dan amanah dengan baik.

"Semoga semuanya dapat memberikan pandangan dan idea bagi meningkatkan prestasi pentadbiran MBSA," katanya dalam kenyataan.

Majlis angkat sumpah dan menandatangani Surat Akujanji itu turut disaksikan Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Semua yang dilantik akan berkhidmat di kawasan pentadbiran MBSA, bagi penggal 2018-2020.



Gagal bersih premis

# Restoran 24 jam berdepan tindakan

OLEH **NORHAYATI UMOR**

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas restoran beroperasi 24 jam yang gagal membersihkan premis dari jam 1 hingga 3 pagi, bermula 1 Ogos lalu.

Datuk Bandarnya, Dato' Mohd Azizi Mohd Zain berkata, MBPJ memandang serius perkara itu, namun menegaskan premis yang bersih dan kemas tidak perlu khuatir.

Katanya, MBPJ melakukan pemantauan dan pemeriksaan sejak 1 Julai lalu, namun tidak mengambil tindakan.

"Ketika itu, pegawai penguatkuasa kesihatan akan melakukan pemantauan dan pemeriksaan, namun tiada tindakan diambil.

"Bagaimanapun, MBPJ akan mula mengambil tindakan mulai 1 Ogos dan jika gagal berbuat demikian, maka lesen operasi premis berisiko untuk dibatalkan," katanya.

Mohd Azizi berkata, MBPJ komited menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap restoran di Petaling Jaya, malahan tugas pemeriksaan menjadi rutin harian.

Pada masa sama, katanya, semua pihak perlu bekerjasama memastikan pematuhan berjalan lancar dan peningkatan kes keracunan makanan dapat disifarkan.

Terdahulu, bagi memastikan semua premis makanan mematuhi tahap kebersihan ditetapkan, MBPJ mahu semua pengusaha restoran 24 jam membuat kerja pembersihan, mulai 1 Julai lalu.

Sebanyak 98 premis makanan terbabit dan 2,096 pemeriksaan premis makanan diperiksa MBPJ, sejak 2017 hingga Mac lalu.

Daripada jumlah itu, 76 premis makanan tidak bersih dan tidak berlesen ditutup di bawah Undang-undang Kecil Establishment Makanan (MBPJ) 2007.

PREC PKNS REAL ESTATE

**PKNS Real Estate Sdn Bhd**
(983834-V)

## KENYATAAN TENDER

PKNS Real Estate Sdn. Bhd. mempelawa syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menyertai panggilan tender seperti berikut:

| TAJUK | SYARAT ASAS | TEMPAT DAN TARIKH LAWATAN TAPAK | TEMPAT DAN TARIKH AMBIL DOKUMEN | TARIKH TUTUP & TEMPAT HANTAR DOKUMEN TENDER |
|---|---|---|---|---|
| **CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF EMPAT (4) UNIT AHU, EMPAT (4) UNIT WCPU & SATU (1) UNIT COOLING TOWER KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM , SELANGOR DARUL EHSAN .**<br><br>**No. Tender: PKNSRE-KPSA-141** | Berdaftar dengan **CONSTRUCTION INDUSTRIAL DEVELOPMENT BOARD (CIDB)**<br><br>**Kod Bidang:**<br><br>**G4, MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (ME), M01 - Sistem Hawa Dingin dan pengedaran udara.** | PKNS Real Estate Sdn. Bhd, Pejabat Pengurusan, 03-01 Tingkat 3, Kompleks PKNS Shah Alam, Persiaran Tasik Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-5513 3845<br><br>**Tarikh : 09/08/2018 (KHAMIS)**<br><br>**Masa : 10.30 pagi**<br><br>**(Kehadiran adalah WAJIB)** | PKNS Real Estate Sdn. Bhd, Pejabat Pengurusan, 03-01 Tingkat 3, Kompleks PKNS Shah Alam, Persiaran Tasik Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-5513 3845<br><br>**Tarikh : 09/08/2018 (KHAMIS)**<br><br>**Masa :** (Selepas taklimat tapak)<br><br>**Harga Tender: RM250.00** | PKNS Real Estate Sdn Bhd (Ibu Pejabat), 3F-05, Tingkat 3, SACC Mall, Jalan Perbadanan 14/9, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan No Tel: 03-5520 4567<br><br>**Tarikh : 23/08/2018 (KHAMIS)**<br><br>**Masa : SEBELUM 12.00 TENGAH HARI** |

Berikut adalah syarat tambahan tender:

1. Syarikat mempunyai pengalaman di dalam **Kerja-Kerja Naiktaraf Sistem Penghawa Dingin**.
2. Pengambilan dokumen tender perlu disertakan dengan **satu (1) salinan** dokumen seperti berikut:-
   - Sijil Pendaftaran dengan **CONSTRUCTION INDUSTRIAL DEVELOPMENT BOARD (CIDB)** yang masih aktif di bawah gred minimum **G4, MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (ME), M01 – SISTEM HAWA DINGIN DAN PENGEDARAN UDARA**
   - Sijil pendaftaran syarikat dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)** yang masih aktif.
   - **Surat perwakilan kuasa** (Sekiranya pemilik syarikat tidak dapat hadir)
3. Kehadiran lawatan tapak adalah **WAJIB** bagi setiap syarikat.
4. Pembayaran bagi pembelian dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk **WANG POS** atau **DRAF BANK** di atas nama **PKNS REAL ESTATE SDN. BHD**.
5. Tender hendaklah dihantar dalam sampul surat bermetri dan dituliskan tajuk projek disebelah kiri atas sampul surat berkenaan serta dialamatkan seperti di bawah **TIDAK LEWAT** daripada **JAM 12.00 TENGAH HARI** pada tarikh tutup tender yang telah dinyatakan diatas.
6. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan dan keputusan syarikat adalah muktamad.
7. Hanya syarikat yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga.
8. Pihak PKNS Real Estate Sdn Bhd **tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah** ataupun lain-lain tawaran yang dikemukakan tanpa sebarang sebab.

**Projek oleh:**
PREC PKNS REAL ESTATE

**PKNS REAL ESTATE SDN BHD**
No. 3F-05, Tingkat 3, SACC Mall, Jalan Perbadanan 14/9,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-55204567 Faks: 03-55181010

Tonton TVSelangor
selangortv.my



OLEH **NADIAH ZAMLUS**

### Pelajar komunikasi tak perlu bimbang

# Cabang industri kewartawanan luas

**SHAH ALAM -** Industri percetakan mengalami kemerosoton melampau sehingga menyebabkan beberapa buah syarikat akhbar gulung tikar.

Profesor Fakulti, Seni Visual dan Pengkomputeran Universiti Selangor (UNISEL), Prof Dr Azmuddin Ibrahim berkata, bagaimanapun isu terbabit tidak seharusnya membimbangkan mahasiswa yang sedang mengambil jurusan komunikasi khasnya.

"Kemahiran kewartawanan yang dipelajari mahasiswa di universiti atau kolej bukan melatih untuk mereka bekerja sebagai wartawan surat khabar sahaja, sebaliknya kemahiran untuk industri kewartawanan ini cukup luas.

"Kini, syarikat besar memerlukan jurucakap atau penulis yang pandai dalam bidang berkenaan. Jadi, mereka memerlukan individu yang mahir dalam penulisan dan disebabkan itu saya katakan graduan komunikasi tidak perlu bimbang," katanya kepada SelangorKini.

Azmuddin turut menyampaikan Siri Syarahan Profesor bertajuk '*Prophetic Journalism : the solution to unethical media?*' di Dewan Pro Canselor UNISEL, baru-baru ini.

Melalui syarahannya, beliau berkata, media sosial pada masa kini menjadi medium penting dalam penyebaran berita.

"Ada baik dan buruknya media sosial ini. Jika dilihat pada sudut positif, kejadian tsunami di Acheh pada 2004 membuatkan pelbagai pihak menyebarkan berita itu dalam masa yang singkat sehingga membolehkan ramai sukarelawan berkumpul.

"Tetapi daripada sudut negatif pula, ramai juga yang cuba menyebarkan berita palsu. Sebaiknya, cari kebenaran sebelum kita menyebarkan berita kebenaran.

"Janganlah menjadi penyebar kepada penipuan, sebaliknya kita jadi orang yang cuba menghentikan unsur negatif itu," katanya.

# Akademi SSTC lancar Program Sekolah Keusahawanan

**KUALA LUMPUR -** Bidang keusahawanan seharusnya dipelopori graduan masa kini supaya menjadi nilai tambah terhadap elemen pembelajaran sedia ada.

Oleh sebab itu, Akademi SST & Consultancy (SSTC) mula melancarkan Program Sekolah Keusahawanan & MSMEs (SME), bermula 23 Julai lalu.

Pengerusi Eksekutifnya, Sugunadevi Arjunan berkata, beliau berharap supaya graduan akademi itu menjadi individu yang mewujudkan peluang pekerjaan bukan hanya mencari pekerjaan.

"Jika graduan ini menjadi usahawan, ia sekali gus membolehkan Kerajaan Selangor mencapai visi dan misinya dengan melihat lebih ramai golongan usahawan dilahirkan, dalam kalangan anak muda.

"Kami juga mahu melahirkan graduan yang mempunyai modal insan berkualiti bukan hanya mahir," katanya ketika pelancaran SEM, di Menara Petronas, baru-baru ini.

Sugunadevi berkata, Akademi SSTC ditubuhkan sejak 14 tahun lalu dengan melahirkan graduan dalam pelbagai bidang.

Beliau berkata, pihaknya turut berbesar hati kerana diakreditasi oleh Kerajaan Selangor bagi melatih golongan muda melalui Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS).

"Melalui kerjasama ini, kita melatih anak muda dalam bidang teknikal, vokasional dan kemahiran profesional pada peringkat negeri juga boleh dibawa ke peringkat lebih tinggi.

"Akademi SSTC juga dalam perancangan strategik bersama beberapa pihak termasuk negara luar seperti Korea dan Taiwan bagi membawa kolej ini ke arah yang lebih gemilang, di mata pelbagai pihak," katanya.



AIR SELANGOR

**PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD**
(1082296-U)

**KENYATAAN TENDER**

| Bil. | NO. TENDER | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1. | AIS/NRW/ T1/8/2018 | INSTALLATION OF NEW ELECTROMAGNETIC (EM) FLOW METERS COMPLETE WITH FITTINGS AND ASSOCIATED WORKS AT BALANCING RESERVOIR OUTLETS – SEMENYIH, MATANG PAGAR (SSP1) & BUKIT MAYONG (SSP2) |
| 2. | AIS/WQLS/ T5/7/2018 | CONSTRUCTION OF 278 NEW UNITS OF WATER QUALITY SAMPLING STATIONS (STESEN PERSAMPELAN AIR , SPA) AT SELECTED SERVICE RESERVOIRS OUTLET (SRO) WITHIN THE STATE OF SELANGOR, FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD. |
| 3. | AIS/OS/ T6/7/2018 | SUPPLY, DELIVERY AND MODIFICATIONS OF THREE (3) UNITS OF 'IVECO DAILY' VAN COMPLETE WITH ACCESSORIES FOR MOBILE CUSTOMER RELATIONSHIP SERVICES CENTRE |
| 4. | AIS/PROD/ T3/7/2018 (Tender Semula) | SERVICE ON RORO-BIN RENTAL AND DISPOSAL OF RESIDUAL FOR AIR SELANGOR's WATER TREATMENT PLANTS |

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di **https://www.syabas.com.my/business/current-tender#1** atau menyertai saluran Telegram kami di **https://t.me/tenderairselangor** untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami

# UNISEL bincang tukar status IPTA

**SHAH ALAM -** Universiti Selangor (UNISEL) menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji penukaran statusnya kepada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Naib Canselornya, Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman berkata, kajian dibuat melalui pelbagai sudut positif juga negatif.

"Jika UNISEL bertukar daripada status Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) kepada IPTA, sudah tentu ia membawa pelbagai kelebihan. Namun, kos yang tinggi membuatkan perkara terbabit perlu dikaji dengan lebih mendalam.

"Walaupun Selangor negeri yang kaya, namun kos bagi membiayai sebuah IPTA semakin meningkat, saban tahun," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, janji bagi melaksanakan UNISEL menjadi IPTA sudah dibuat pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Disebabkan itu, kita membuat kajian terlebih dahulu sebelum melaksanakannya dan laporan penukaran status ini akan diserahkan kepada Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, secepat mungkin.

"Seterusnya, kementerian akan membuat penilaian semula terhadap kajian ini. Jika UNISEL berjaya menjadi sebuah IPTA, maka kita juga akan membuat program pendidikan percuma yang menelan belanja daripada RM10 juta hingga RM100 juta, setahun.

"Kos ini bukan sahaja untuk pendidikan tetapi termasuk pembangunan, kos kakitangan dan aspek lain," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, UNISEL kini dalam proses menambah ahli akademik terdiri daripada profesor.

Katanya, sehingga kini UNISEL mempunyai kira-kira 13 profesor yang berkhidmat di dua kampus iaitu Shah Alam dan Bestari Jaya.

"Penambahan ini dibuat bagi meningkatkan lagi mutu akademik yang ditawarkan UNISEL kepada orang ramai. Setakat ini, kita sudah mengiklankan jawatan berkenaan kepada umum.

"Perlunya seorang profesor dalam sesebuah universiti memandangkan ia adalah pencapaian tertinggi akademik. Jika ingin melahirkan pelajar cemerlang, maka kita perlu menyediakan guru yang turut cemerlang," katanya.

> **Jika UNISEL bertukar daripada status Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) kepada IPTA, sudah tentu ia membawa pelbagai kelebihan. Namun, kos yang tinggi membuatkan perkara terbabit perlu dikaji dengan lebih mendalam**
>
> **MOHAMMAD REDZUAN**
> Naib Canselor UNISEL




Skuad Jejak Kemiskinan LZS

# Ringan beban masyarakat

OLEH **ZAREEF MUZAMMIL**

**KUALA SELANGOR -** Lembaga Zakat Selangor (LZS) menjalankan program Skuad Jejak Kemiskinan (SJK) di sekitar Kuala Selangor Selatan, berpusat di Masjid Darussalam, Bukit Kuching Hilir, di sini, baru-baru ini.

LZS menerusi Facebook berkata, pihaknya bekerjasama dengan Sekolah Kebangsaan Dato' Maharajalela bagi mendapatkan senarai nama cadangan dalam kalangan penjaga pelajar, sekolah terbabit.

Katanya, seramai 108 nama penjaga diterima dengan 58 daripadanya sudah berdaftar dengan LZS sebagai asnaf fakir dan miskin.

"Keseluruhan empat kariah yang terbabit dalam program ini ialah Kampung Bukit Cherakah, Kampung Bukit Hijau, Kampung Bukit Kuching Tengah dan Kampung Bukit Kuching Hilir.

**Keputusan SJK ini mendapati seramai 30 keluarga layak didaftarkan sebagai asnaf fakir dan miskin. Semua mereka akan disantuni dengan bantuan yang layak diberi mengikut keperluan semasa**



"Keputusan SJK ini mendapati seramai 30 keluarga layak didaftarkan sebagai asnaf fakir dan miskin.

"Semua mereka akan disantuni dengan bantuan yang layak diberi mengikut keperluan semasa," katanya.

Pada masa sama, LZS berharap bantuan disalurkan itu dapat meringankan beban dipikul mereka.

## WAKTU SOLAT SELANGOR
## 2 - 8 OGOS 2018
## 20 - 26 ZULKAEDAH 1439H

**Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam**

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 02 Khamis | 5:42 | 5:52 | 7:11 | 1:22 | 4:43 | 7:30 | 8:42 |
| 03 Jumaat | 5:42 | 5:52 | 7:11 | 1:22 | 4:43 | 7:29 | 8:42 |
| 04 Sabtu | 5:43 | 5:53 | 7:11 | 1:22 | 4:42 | 7:29 | 8:42 |
| 05 Ahad | 5:43 | 5:53 | 7:11 | 1:22 | 4:42 | 7:29 | 8:41 |
| 06 Isnin | 5:43 | 5:53 | 7:11 | 1:22 | 4:42 | 7:29 | 8:41 |
| 07 Selasa | 5:43 | 5:53 | 7:11 | 1:22 | 4:41 | 7:29 | 8:41 |
| 08 Rabu | 5:43 | 5:53 | 7:11 | 1:22 | 4:41 | 7:28 | 8:40 |

**Sabak Bernam dan Kuala Selangor**

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 02 Khamis | 5:44 | 5:54 | 7:12 | 1:25 | 4:45 | 7:32 | 8:45 |
| 03 Jumaat | 5:44 | 5:54 | 7:12 | 1:24 | 4:45 | 7:32 | 8:44 |
| 04 Sabtu | 5:44 | 5:54 | 7:12 | 1:24 | 4:45 | 7:32 | 8:44 |
| 05 Ahad | 5:44 | 5:54 | 7:12 | 1:24 | 4:44 | 7:31 | 8:44 |
| 06 Isnin | 5:44 | 5:54 | 7:12 | 1:24 | 4:44 | 7:31 | 8:43 |
| 07 Selasa | 5:44 | 5:54 | 7:12 | 1:24 | 4:43 | 7:31 | 8:43 |
| 08 Rabu | 5:44 | 5:54 | 7:12 | 1:24 | 4:43 | 7:31 | 8:43 |

**Klang dan Kuala Langat**

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 02 Khamis | 5:43 | 5:53 | 7:12 | 1:23 | 4:44 | 7:29 | 8:42 |
| 03 Jumaat | 5:43 | 5:53 | 7:12 | 1:23 | 4:43 | 7:29 | 8:41 |
| 04 Sabtu | 5:43 | 5:53 | 7:12 | 1:23 | 4:43 | 7:29 | 8:41 |
| 05 Ahad | 5:44 | 5:54 | 7:12 | 1:23 | 4:43 | 7:29 | 8:41 |
| 06 Isnin | 5:44 | 5:54 | 7:12 | 1:22 | 4:42 | 7:28 | 8:41 |
| 07 Selasa | 5:44 | 5:54 | 7:12 | 1:22 | 4:42 | 7:28 | 8:40 |
| 08 Rabu | 5:44 | 5:54 | 7:12 | 1:22 | 4:42 | 7:28 | 8:40 |

## KERAJAAN NEGERI SELANGOR JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :

| PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN | NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK | TARAF | SYARAT PENDAFTARAN | TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL | HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA | TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor | JPS/N/SEL/SG/24/2018<br>Projek Tebatan Banjir Di Kawasan Sg. Pinang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan. | Terbuka | Berdaftar Dengan CIDB<br>Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang masih sah<br>**Gred : G4**<br>**Kategori : CE & ME**<br>**Pengkhususan CE21, CE36 dan M15** | Kaunter Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor.<br>**08.08.2018**<br>hingga<br>**28.08.2018** | **RM 360.00,**<br>Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor<br>(Kiriman Wang/Bank Deraf/ Wang Pos) | Peti Tender.<br>Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor<br>**29.08.2018**<br>**(Rabu)**<br>Jam **12.00 tengah hari** |
| Lawatan Tapak Adalah **DIWAJIBKAN** pada : **07.08.2018 (Selasa)** Masa : **10.00 Pagi**.<br>Tempat Berkumpul : Bilik Mesyuarat, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Klang, Jalan Tali Air, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan | | | | | | |
| Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor | JPS/N/SEL/SG/28/2018<br>Projek Tebatan Banjir Di Pandamaran, Pelabuhan Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan. | Terbuka | Berdaftar Dengan CIDB<br>Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang masih sah<br>**Gred : G6**<br>**Kategori CE & ME**<br>**Pengkhususan CE21, CE36 dan M15** | Kaunter Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor.<br>**08.08.2018**<br>hingga<br>**28.08.2018** | **RM 580.00,**<br>Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor<br>(Kiriman Wang/Bank Deraf/ Wang Pos) | Peti Tender.<br>Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor<br>**30.08.2018**<br>**(Khamis)**<br>Jam **12.00 tengah hari** |
| Lawatan Tapak Adalah **DIWAJIBKAN** pada : **07.08.2018 (Selasa)** Masa : **2.30 Petang**.<br>Tempat Berkumpul : Bilik Mesyuarat, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Klang, Jalan Tali Air, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan | | | | | | |
| Lawatan Tapak Adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan. | | | | | | |

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa Sijil ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN CIDB, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN CIDB ATAU SIJIL PENDAFTARAN KEWANGAN SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PKK jika berkenaan dan satu SALINAN bagi sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

KDEB WASTE MANAGEMENT 103002-H

# KENYATAAN TENDER

## BAGI KERJA - KERJA KUTIPAN SAMPAH DOMESTIK DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

**KDEB Waste Management Sdn. Bhd.**, sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor secara holistik.
Justeru, KDEB Waste Management Sdn. Bhd. mempelawa kontraktor - kontraktor yang masih sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM Kod Bidang - 221002 dan 221003) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja - kerja berikut:-

| Bil | Nombor & Nama Tender<br>Kerja - Kerja Kutipan Sampah Domestik di Kawasan Majlis Perbandaran Sepang | Tarikh Mula Kerja | Harga Dokumen Bagi Setiap Set | Tempoh Jualan Dokumen | Bilik Tender | Tarikh Tutup |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **KDEBWM/MPSP/KDSP-01/09/2018: ZON KDSP 01**<br>Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik di Sebahagian Taman Mas, Sebahagian Taman Putra Prima (Fasa 1, 3), Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di Dalam Peta. | | | | | |
| 2 | **KDEBWM/MPSP/KDSP-01/09/2018: ZON KDSP 02**<br>Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik di Sebahagian Taman Mas, Taman Putra Prima (Fasa 4, 5), Seluruh Taman Putra Impiana, Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di Dalam Peta. | | | | | |
| 3 | **KDEBWM/MPSP/KDSP-01/09/2018: ZON KDSP 03**<br>Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik di Seluruh Taman Meranti Jaya, Sebahagian Taman Bukit Puchong, Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di Dalam Peta. | | | | | |
| 4 | **KDEBWM/MPSP/KDSP-01/09/2018: ZON KDSP 04**<br>Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik di Sebahagian 16 Sierra, Pulau Meranti, Seluruh Taman Meranti Indah, Taman Kipark, Taman Abadi Height, Taman D`Alpinia, Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di Dalam Peta. | | | | | |
| 5 | **KDEBWM/MPSP/KDSP-01/09/2018: ZON KDSP 05**<br>Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik di Hospital Serdang, Seluruh Taman Suria Tropika, Lestari Permai, Taman Alam Putra, Taman Prima Tropica, Sebahagian Taman 16 Sierra, Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di Dalam Peta. | | | | | |
| 6 | **KDEBWM/MPSP/KDSP-01/09/2018: ZON KDSP 06**<br>Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik di Seluruh Taman Tasik Puchong, Taman Putra Puchong, Taman Desa Air Hitam, Taman Alam Idaman, Taman D`Island, Sebahagian Taman Putra Perdana Fasa 5, Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di Dalam Peta. | | | | | |
